

# BUDAYA BERBAHASA DALAM POLITIK

PERLEMBAGAAN  
KONGRES  
KEPERCAYAAN  
BANGSA  
PRESIDEN  
DEMOKRASI  
SOSIAL  
PERSEKUTUAN  
UNDIAN  
DIPLOMASI  
KEPUTUSAN  
NILAI  
TAKTIK  
PARTI  
ASING  
UNDIAN  
PERATURAN  
KOMUNIS  
KANAN  
PEMERINTAH  
NEGERI  
KEMUNAFIKAN  
POLITIK  
PENTADBIRAN  
RASUAH  
INSTITUSI  
KERAJAAN  
PERATURAN  
KEADILAN  
TINDAKAN  
KESOPANAN  
KIRI  
REVOLUSI  
KAPITALIS  
KAWAL  
KEBAIKAN  
PIAWAI  
KEMPEN  
TAKTIK  
AWAM  
PERUNDANGAN  
KEWANGAN  
FAHAMAN  
KERAKYATAN  
POLISI  
KESATUAN  
RASUAH  
DIKTATOR

Bahasa ialah medium utama manusia untuk berkomunikasi tentang apa-apa sahaja. Bahasa ialah alat utama yang dijadikan oleh Allah untuk kepentingan manusia. Dengan bahasa, manusia dapat memahami sesuatu melalui penuturan dan penjelasan.

Bahasa mempunyai kaitan dengan akal. Akal ialah satu-satunya anugerah yang dikurniakan oleh Allah hanya untuk manusia. Manusia juga mempunyai nafsu. Dengan adanya nafsu, manusia dapat membangunkan kehidupan mereka dari satu tamadun ke satu tamadun yang lain. Tiga perkara ini – bahasa, akal dan nafsu – saling berkaitan rapat.

Bahasa Melayu, secara khususnya, ialah satu daripada bahasa pengucapan daripada beratus-ratus dialek lain yang terdapat di Nusantara. Pemilihan bahasa ini sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia memang sangat kena dengan situasinya. Bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa kebangsaan negara ini kerana faktor sejarahnya, iaitu bahasa ini sudah dikenali dan digunakan sejak zaman-berzaman. Di Malaysia, sejarah perkembangan bahasa ini berterusan sehingga hari ini. Apabila munculnya media baharu, seperti Facebook, Instagram, Telegram dan Twitter, bahasa Melayu terus digunakan.

Manusia cuba untuk memanfaatkan media baharu bagi menyampaikan perjuangan masing-masing, sama ada dalam bidang budaya, ekonomi, sosial ataupun politik. Dalam dunia politik mutakhir, terutama menjelang pilihan raya umum ke-14, media dan bahasa digunakan dengan semahu-mahunya. Bahasa pengucapan golongan politik ini sangat tajam, penuh dengan sindiran dan sepak terajang, tanpa segan silu lagi. Pengucapan itu, walaupun

tidak secara lisan, dibaca dan dihadamkan oleh khalayak pembaca umumnya. Pengucapan itu bukan sekadar dibelek dan dibaca oleh sanak saudara mereka, tetapi juga oleh warga siber yang menggunakan dan menyakini alam maya sebagai sebahagian daripada kehidupan harian mereka.

Ada sesetengah pengguna bahasa dalam kalangan warga tanah air ini yang merasakan bahawa mereka sangat beruntung kerana bahasa Melayu yang tumbuh di alam Melayu ini dapat berkembang subur, seperti yang dapat dilihat sekarang. Pertumbuhan yang berlaku termasuklah yang boleh mencemarkan bahasa tersebut dari sudut perkataan dan istilah yang tidak menyenangkan sesuatu pihak. Antara contoh perkataan yang selalu digunakan dalam dunia maya yang berhubung dengan politik masa ini termasuklah pencacai, pengapu, penjilat, pembodek dan pendedak. Ada perkataan lain yang dicipta khas oleh

pihak tertentu yang ditujukan kepada seteru politik mereka. Perkataan tersebut tidak wajar disebut dalam makalah ini kerana amat kasar bunyinya. Namun demikian, jika ingin mengetahuinya, layarilah media baharu.

Penciptaan perkataan baharu yang khas itu dapat dilabelkan sebagai fitnah. Fitnah akhir zaman ini, melalui pergolakan politik masa ini, lebih dahsyat daripada membunuh orang. Pada hakikatnya, mangsa fitnah politik ini dijangka menderita sepanjang hayatnya. Kehidupannya bukan sahaja sengsara, tetapi dia juga dianggap oleh masyarakat sebagai manusia jahat dan mesti dipulaukan oleh mereka. Kerjaya politiknya pasti terbantau dan terhenti begitu sahaja.

Oleh itu, yang perlu juga kita tahu ialah cara proses fitnah dalam politik, melalui pengucapan bahasa politik, itu boleh terjadi. Adakah perkara tersebut berlaku melalui gosip liar yang dicipta oleh pihak

**Allah berfirman yang bermaksud bahawa Dia tidak melihat seseorang itu dari aspek pakaiannya, tetapi seketul daging di dalam dadanya.**

tertentu tanpa alasan kukuh? Adakah pengucapan seumpama itu juga dikatakan sebagai fitnah? Gosip direka-reka dan dibuat-buat oleh pihak yang berlawanan melalui bukti logik sehingga menjadi panas dan tular dalam media, termasuk media cetak, sehingga mangsa menjadi seperti cacing yang berada dalam kepanasan.

Yang ingin ditegaskan sekali lagi ialah bahawa bahasa pengucapan sedemikian boleh berlaku dalam kalangan sesiapa sahaja. Kita dapat melihat betapa kalangan selebriti, tokoh politik, pemimpin negara, atau orang perseorangan, yang dianggap sebagai musuh dan dibenci oleh pihak tertentu, menjadi mangsa fitnah yang

Kini maklumat dapat disebar dengan pantasnya melalui media sosial.



tidak berasas oleh pihak berkenaan.

Kejadian pengucapan yang menggunakan bahasa politik yang tidak sopan ini berlaku secara leluasa dalam dunia mutakhir ini apabila munculnya media bebas tanpa sempadan sebagai medium yang sampai kepada golongan sasaran hanya dalam masa paling kurang daripada satu minit. Dunia kini dikenali sebagai dunia yang komunitinya warga siber. Mereka sentiasa bermain di alam maya, sentiasa bertemu dengan pelbagai recah bahasa politik yang digunakan, dan sangat terdedah kepada perbuatan fitnah-memfitnah.

Sehubungan dengan itu, apakah tindakan yang patut dilakukan oleh pihak berkuasa terhadap perkembangan terbaharu ini? Perlukah penggunaan media maya dihentikan secara drastik untuk mengatasi masalah penggunaan bahasa sedemikian? Yang perlu diketahui juga ialah tindakan ini boleh merugikan semua pihak, termasuk pihak berkuasa sendiri. Langkah ini dilihat kurang bijak kerana boleh menyebabkan Malaysia menjadi negara yang melangkah 10 tahun ke belakang.


Yang paling malang ialah apabila warga siber menganggap medan maya sebagai tempat wajib bermain, mencari maklumat untuk kepentingan

**Bahasa mempunyai kaitan dengan akal. Akal ialah satu-satunya anugerah yang dikurniakan oleh Allah hanya untuk manusia. Manusia juga mempunyai nafsu.**

kehidupan mereka, tanpa memikirkan kesan baik dan buruknya sewaktu maklumat itu dikutip, tanpa menapisnya lebih dahulu, terutama bahasa pengucapan yang tidak sopan, seperti yang telah disebut. Bahasa politik yang tidak berhemah digunakan untuk memanaskan situasi supaya pihak berkuasa sedia ada bangkit untuk bertindak terhadap mana-mana organisasi dan kemudiannya membuka peluang kepada golongan berkenaan untuk membaca kelemahan pemimpin yang tidak bersejua dengan naluri mereka.

Kejadian ini pernah berkali-kali disebut sebagai fitnah akhir zaman yang perlu difikirkan bersama-sama oleh khalayak pengguna alam maya, apatah lagi bahasa sedemikian menggambarkan corak budaya dan tatacara hidup ketamadunan bangsa, khususnya bangsa Malaysia. Kemungkinan bahasa politik masa ini perlu diladani dengan sebaik-baiknya oleh pengguna dan pemain politik itu sendiri supaya tokoh dan pemilik akaun dilihat secara profesional dan secara intelek. Sepatutnya hal ini tidak dibiarkan berlalu begitu sahaja tanpa ada kelangsaan tindakan oleh pihak berwajib kerana media sosial sekarang merupakan lapangan yang paling banyak penggunaannya sehingga boleh mengganggu gugat perkembangan media cetak.

Yang paling menakutkan ialah penggunaan bahasa politik masa ini yang tidak begitu dikawal oleh penggunaannya. Penggunaannya boleh sahaja menjadi fitnah melalui media sosial sehingga membungkus periuk nasi mangsa. Hal



Kehidupan sebahagian besar daripada masyarakat kini bergantung pada keteguhan peranti.

ini berlaku kerana bahasa sedemikian disalurkan dengan pantasnya dan dibaca tanpa sempadan, malah dapat mengancam keselamatan negara.

Bukan sahaja Facebook, Instagram, dan Wechat, tetapi mereka menularkannya melalui Whatsapp individu dan kumpulan. Dalam Facebook, misalnya, kita selalu disuap dengan berita palsu tentang pemimpin negara. Golongan ini melakukannya dengan mengedit foto pemimpin negara, sebagai contohnya. Mereka mencipta berita palsu untuk menjatuhkan imej pemimpin negara.

Semua pihak sepatutnya mempunyai rasa tanggungjawab terhadap perkembangan media maya masa ini. Kita sedar bahawa peranan yang dimainkan oleh media sosial ini sangat baik dan berguna kepada pembangunan manusia. Media sosial menjadi alat komunikasi yang sangat pantas, tetapi kepentingan ini hendaknya

melebihi keburukannya.

Semua pihak hendaklah segera memahami betapa bahayanya kerja melebarkan pengucapan bahasa kurang sopan dalam kalangan warga siber, yang berupa fitnah oleh golongan tertentu melalui Facebook, Instagram, Wechat dan Whatsapp.

Bahasa orang politik yang tidak sopan, khususnya, tidak perlu diwar-warakan dalam komuniti-maya, terutama menjelang pilihan raya umum yang akan datang. Banyak pihak menyarankan supaya pihak berwajib bertindak segera untuk menangani budaya baharu yang semakin menular ini dengan mendapatkan kerjasama daripada agensi keselamatan yang lain supaya keselamatan dan keharmonian negara terjamin.

Pengguna bahasa daripada pelbagai pihak perlu tahu dan akur dengan apa-apa yang telah dicipta oleh Allah. Antaranya termasuklah penciptaan

malaikat untuk merakamkan setiap perbuatan dan kata. Hal ini wajib juga diketahui oleh orang politik yang banyak terlibat dengan penggunaan bahasa yang kurang sopan dan sangat tidak sesuai untuk didengar oleh khalayak awam, terutama remaja dan kanak-kanak yang masih memerlukan tunjuk ajar daripada golongan dewasa yang lebih matang. Oleh itu, pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam politik hendaklah menjadikan agama sebagai garis panduan kerana agama mengajar kita untuk hidup tanpa prejudis, saling membulatkan kata sepakat bagi membina tamadun bangsa, bukan menjatuhkan antara satu sama lain.

Islam, semenjak dahulu sehingga sekarang, tidak pernah berubah dari segi ajarannya. Islam mengajar kita betapa malaikat akan merakamkan apa-apa sahaja yang kita lakukan tanpa tertinggal satu pun, hatta sebesar zarah. Apa-apa sahaja bahasa yang kita tuturkan akan dikira. Apa-apa sahaja perbuatan yang dilakukan akan dihitung.

Oleh itu, bahasa politik yang tidak menampakkan keimanan sudah tentu tergolong dalam perbuatan mungkar. Perbuatan mungkar wajib dijauhi daripada kehidupan insan Muslimin dan Muslimat untuk membersihkan zahir dan batin. Betapa berbahasa dalam politik memerlukan kewaspadaan pembicaranya supaya tidak tergelincir ke dalam kancak kemaksiatan. Maka apabila berbicara, amalkanlah konsep wasatiah.

Sehubungan dengan itu, penggunaan bahasa dalam politik, terutama menjelang pilihan raya umum ke-14, ketika berucap dalam khalayak atau dalam wawancara, bukan sekadar perlu mengetahui tetapi menghayati maksud nafsu dan akal. Nafsu dan akal, seperti yang kita maklum, dapat dibahagikan kepada dua bentuk, seperti yang ditafsirkan oleh ahli sufi.

Yang pertama ialah segumpal daging yang terletak di dalam rongga dada sebelah kiri. Di sini terdapat rongga yang berisi darah hitam. Hati ini tidak bermakna sedikit pun dari sudut kerohanian, tetapi menjadi sumber roh. Bukan menjatuhkan antara yang kejadiannya merupakan diri kita atau dikenali sebagai mata hati atau tercernan diri. Hal ini merupakan hakikat manusia yang dapat diajak bercakap.

Allah berfirman yang bermaksud bahawa Dia tidak melihat seseorang itu dari aspek pakaiannya, tetapi setekut daging di dalam dadanya. Hal ini bermakna bahawa ahli politik hendaklah sentiasa beringat ketika berbahasa sepanjang kerjaya politiknya. Jika berjanji, adakah sudah dikotakan janji itu atau hanya janji manis di bibir? Janji ditaburkan kerana mahu mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya melalui manifesto yang muluk, tetapi akhirnya terbengkalai begitu sahaja.

Tegasnya, bahasa yang digunakan dalam politik cukup tajam apabila dilafkan. Oleh itu, beringatlah ketika berbahasa menjelang pilihan raya umum ke-14 kerana penggunaannya yang tidak berhemah boleh merosakkan perpaduan.